



BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA

6 Julai - 22 Ogos 2010

Kerjasama Anda Amat Diperlukan



BANCI PENGGERAK WAWASAN NEGARA



www.statistics.gov.my

1-800-88-7828

Advertorial

Selidik secara talian

>>Oleh AHMAD SHAHRL
NIZAM MUHAMMAD

ahmadshahrul@hmetro.com.my

SELEPAS 10 tahun, Banci Perumahan Malaysia bakal dijalankan bagi membekalkan satu set maklumat perangkaan yang komprehensif berkaitan arah aliran dan corak ciri isi rumah dan penduduk di negara ini.

Banci 2010 yang bermula 6 Julai hingga 22 Ogos depan adalah yang kelima dijalankan selepas penubuhan Malaysia dan ia dijalankan mengikut Akta Banci 1960 (Disemak 1969) serta digerakkan serentak oleh 26,000 pembanci di seluruh negara.

Sasaran mereka yang dibanci adalah semua penduduk, termasuk warga asing yang tinggal di negara ini selama enam bulan dan sama ada mereka sah atau tidak sah atau mereka yang berada di negara ini pada atau sebelum 6 Julai tahun ini.

Ketua Perangkaan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Datuk Wan Ramlah Wan Abd Raof berkata, banci menyediakan maklumat mengenai jumlah stok tempat kediaman dan kemudahan serta keperluan asas perumahan yang tersedia.

Katanya, berdasarkan pe-

rangkaan, pembancian akan dilakukan terhadap 7.4 juta unit kediaman di seluruh negara dan tidak terkecuali di kem tentera, anggota polis, penempatan Orang Asli dan juga penempatan setinggan, termasuk juga mereka yang tidak ada rumah.

Menurutnya, pembancian akan menggunakan pendekatan temu ramah secara bersemuka di antara pembanci yang akan mengunjungi setiap rumah untuk menemuramah penduduk.

"Bagi memudahkan penduduk, terutama yang tinggal di bandar dan yang bekerja serta sukar ditemui pada hari bekerja, dua kaedah baru pengumpulan data digunakan iaitu pembanci meninggalkan borang soal selidik untuk diisi dan mengambil borang yang leng-

kap diisi itu pada tarikh dipersetujui.

"Bagi memudahkan orang ramai, mereka juga boleh mengisi soal selidik secara talian melalui laman web jabatan iaitu www.statistics.gov.my, manakala kod akses akan dibekalkan dalam Kit Banci bagi membolehkan mereka mengakses sistem e-Census," katanya dalam temuramah di pejabatnya di Putrajaya, kelmarin.

Wan Ramlah berkata, penggunaan teknik pengumpulan data dinamakan e-Census itu dibangunkan sendiri jabatan itu dan ia dilengkapi ciri keselamatan tinggi, termasuk lebih fleksibel dan mudah digunakan, tidak perlu ditemuramah pembanci, aplikasi secara talian lebih cepat dan maklumat yang diisi dijamin selamat.

